


INFO

Nama	: Perahu Buatan Barat
Bahan pembinaan :	Kayu cengal (keseluruhan pembinaan perahu) Kayu berlian (membuat pasak) Kayu gelam (pelekot)
Panjang	: 10 - 11 meter
Lebar	: 1.8 meter
Mutan anak perahu	: 5 - 7 orang
Keupayaan jarak	: Laut dalam
Enjin	: 10 - 40 kuasa kuda



Perahu Buatan Barat

Perahu nelayan buatan Thailand

Perahu penting bagi masyarakat Melayu yang menjadikan hasil laut sebagai sumber pendapatan.

Sebagai nelayan, mereka memerlukan perahu yang berkualiti serta tahan lama untuk mendayang sehingga ke laut dalam bagi mencari rezeki.

Masyarakat Melayu terkenal dengan penghasilan pelbagai perahu tradisional seperti Dogol, Setak, Sekoci, Tembeling, Bedar, Pengair, Kuel, Jeloror, Gelibat Payang dan Buatan Barat.

Perahu ini bukan sahaja dibezakan daripada segi reka bentuk dan saiz malah merangkumi keupayaan muatan serta kemampuannya bergerak pada jarak jauh.

Bagaimanapun, dalam banyak-banyak perahu ini, perahu Buatan Barat lebih menjadi pilihan daripada kebanggaan kepada nelayan kerana ia dianggap sebagai perahu terhebat dalam kalangan perahu lain.

Perahu Buatan Barat masih digunakan oleh nelayan di Kampung Pulau Gajah, Pantai Sabak dan Tumpat, Kelantan.

Di Kampung Pulau Gajah sendiri, hampir 60 perahu jenis ini digunakan.

Ia digelar perahu Buatan Barat kerana



kebanyakan perahu itu dihasilkan di Selatan Thailand terutamanya Narathiwat.

Pemakaian komponen hiasan pada perahu seperti bangau, okok, caping, songgo dan koyang menjadikan perahu Buatan Barat ini lebih istimewa.

Komponen itu dihasilkan menggunakan kayu yang diukur dengan bentuk tertentu dan paling ketara ialah bentuk naga dan burung.

Badan perahu Buatan Barat juga dilukis atau diwarnahkan dengan warna-warna terang bagi menyerlahkan lagi keunikannya.

Kehebatan perahu Buatan Barat 'dibongkar' Timbalan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Zuliskandar Ramli bersama Pegawai Sains Institut Penyelidikan Matematik Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Rahaizat Abdul Wahab yang menjalankan penyelidikan terhadap perahu berkenaan.



Prof Madya Dr Zuliskandar Ramli

Perahu ini bukan sahaja dibezakan daripada segi reka bentuk dan saiz malah merangkumi keupayaan muatan serta kemampuannya bergerak pada jarak jauh.

Bagaimanapun, dalam banyak-banyak perahu ini, perahu Buatan Barat lebih menjadi pilihan daripada kebanggaan kepada nelayan kerana ia dianggap sebagai perahu terhebat dalam kalangan perahu lain.

Perahu Buatan Barat masih digunakan oleh nelayan di Kampung Pulau Gajah, Pantai Sabak dan Tumpat, Kelantan.

Di Kampung Pulau Gajah sendiri, hampir 60 perahu jenis ini digunakan.

Ia digelar perahu Buatan Barat kerana

Contoh hiasan kepala perahu

Perahu tradisional Melayu kebanyakannya dihiasi dengan komponen hiasan yang diperbuat daripada kayu. Komponen ini diukur dengan pelbagai motif yang berunsurkan kebudayaan Melayu di Pantai Timur.



Komponen hiasan Perahu Buatan Barat


Lingga/Kepala haluan



Memegang di pinggir perahu dan memberi bentuk kepada perahu. Fungsi lain sebagai alat navigasi bagi menentukan arah.



Okek




Juga dikenali sebagai anak bangau kerana saiznya lebih kecil daripada bangau.

Terlebih di bahagian haluan iisan perahu dan beringsi sebagai tempat menyenjutkan sauh.



Caping




Alat hiasan berupa sekeping papan berukir di tengah antara bangau dan okok. Ia digunakan bagi mengelakkan tiang layar yang terletak di atas bangau tidak bergerak ketika perahu dipukul ombak.



Hiasan pada Caping

Bangau



Terletak di sebelah kiri haluan perahu. Fungsi utama bangau sebagai alat untuk menyenggara tiang layar, dayung dan galah panjang yang digunakan nelayan semasa melakukan kerja-kerja menangkap ikan.

Fungsi lainnya sebagai hiasan untuk menyeriakan perahu.



Centaman bangau di haluan perahu

Dua kaedah pembuatan Perahu Buatan Barat

Proses timbal

Perahu ini dibina secara tradisional yang mana proses awalan (timbal) dilakukan dengan memasang dinding perahu dan ia dilakukan dengan cara membentuk papan menggunakan bara api.

Dalam proses ini, tukang perahu akan mengelaskan kayu kepada beberapa jenis iaitu kong, papan tunk, butir, papan tuas, papan timbal, kapit mat adat mat.

Pengelasan ini penting bagi memastikan setiap kayu akan dipusing dengan sudut tertentu dan membentuk melengung seperti perut ikan.

Proses sobek


Ia adalah proses mewarna menggunakan cat pada keseluruhan perahu selepas kenderaan air berkenaan siap dibina.

Tujuan mengelacut untuk menjaga ketahanan kayu apabila terendam dalam air. Perahu dicat dengan lukisan-lukisan tertentu berdasarkan permintaan pemilik perahu.

Antara lukisan dihasilkan seperti naga, burung, hanuman bunga api, pemandangan dan sebagainya.

Jenis-jenis Perahu Tradisional Melayu

- 1. Jalur
- 2. Jokong
- 3. Kulit Kayu
- 4. Mat Rian
- 5. Tembeling
- 6. Setak
- 7. Kajangan
- 8. Haluan Katup
- 9. Daud
- 10. Dogol
- 11. Gelibat
- 12. Jalorar
- 13. Sekoci
- 14. Bedar
- 15. Lincang
- 16. Pengair
- 17. Kuel
- 18. Payang



WARTAWAN
NOR ASYIKIN MAT HAYIN
nasyikin.m@metro.com.my

GRAFIK
ZUL FADHLI KAMARRUDIN
z.fodhik@metro.com.my



infografik